



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**  
FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

Menara LPP  
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin  
50480 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA  
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Tel : 603-2610 9600  
Faks : 603-2697 0987  
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>  
E-mel : [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)



## SIARAN MEDIA

### **STREET ATTACK MAHA 2022 ZON SABAH**

**KOTA KINABALU**, 24 JULAI 2022– Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah melancarkan program promosi dan publisiti bagi *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism* atau lebih dikenali sebagai MAHA edisi tahun 2022 di Tamu Gaya, Jalan Gaya hari ini. Program yang telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee untuk berjumpa sendiri dengan golongan sasaran bagi mempromosi MAHA 2022.

Beliau berkata, MAHA 2022 merupakan pameran pertanian terbesar dan berprestij yang akan menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian yang bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-inovasi tempatan dan luar negara, strategi pemasaran dan pengeluaran secara efektif serta lain-lain pendekatan yang mampu membantu sektor agromakanan keseluruhannya.

Bertemakan “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan” atau “Food Security for the Future”, MAHA 2022 yang diadakan secara dwi-tahunan ini walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro-pelancongan, ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap negara yang mempamerkan kemajuan serta pencapaian Malaysia.

Antara objektif MAHA 2022 yang disasarkan, termasuk:

- Aktiviti pepadanan perniagaan (business matching);
- Mempamerkan teknologi dan inovasi terbaharu dalam bidang agromakanan;
- Menjelaskan hala tuju dan menyediakan platform untuk perkembangan perniagaan dalam dan luar negara;
- Menggalakkan penglibatan generasi muda menceburi bidang perniagaan pertanian;
- Memartabatkan MAHA sebagai pameran perdagangan pertanian yang terunggul dengan menarik penyertaan syarikat-syarikat korporat dan pemain industri; dan
- Memberi dorongan dan meraikan barisan hadapan sektor agromakanan yang merangkumi golongan peladang, penternak dan nelayan serta pengusaha agromakanan di sepanjang rangkaian nilai.

Di samping itu, MAHA 2022 juga memberi penekanan kepada acara perdagangan dan perniagaan bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam dan luar negara. Bagi mengimbangi daya tarikan pengunjung, MAHA 2022 akan diselitkan dengan Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) melalui aktiviti pameran hasil dan produk pertanian oleh peladang, penternak, nelayan dan usahawan tani.

MAHA 2022 dijangka akan menarik seramai 100,000 orang pengunjung sehari secara purata dengan jangkaan sasaran lebih daripada RM250 juta potensi nilai jualan termasuk padanan perniagaan.

*Street Attack* MAHA 2022 Zon Sabah melibatkan usahawan bimbingan Jabatan/Agensi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Negeri Sabah. Melalui program ini, pelbagai produk keluaran peladang, penternak dan nelayan dapat diperkenalkan dan dipromosikan. Antaranya; produk ikan segar, buah-buahan segar, produk industri asas tani serta kraftangan.

*Street Attack* MAHA 2022 ini juga bertujuan untuk mempelawa dan memaklumkan kepada masyarakat di Sabah tentang penganjuran MAHA 2022.

Program ini juga menampilkan Ratu Rock Negara, Ella sebagai Figura Peladang yang menjadi ikon kepada masyarakat peladang, dimana Ella terlibat secara langsung dalam sektor agromakanan negara.

Program ini dimeriahkan lagi dengan pelepasan kayuhan basikal melibatkan seramai 40 orang peserta kayuhan dari jabatan/agensi MAFI Negeri Sabah yang mengelilingi bandar Kota Kinabalu untuk mempromosikan MAHA 2022.

Kemuncak kemeriahan *Street Attack* MAHA 2022 Zon Sabah ialah apabila Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee beramah mesra dan menyerahkan kit promosi MAHA 2022 kepada peniaga di sepanjang Tamu Gaya Kota Kinabalu.

Turut hadir bersama, YBhg. Dato' Azulita Binti Salim, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, YBrs. Puan Junainah Binti Abbie, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan YBhg. Datuk Dr. Mariana Tinggal, Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian Dan Perikanan Sabah.

MAHA 2022 ini akan menjadi indikator utama dalam usaha kerajaan melalui MAFI memacu pemulihan sektor pertanian dan agromakanan negara selain membantu usahawan tani untuk pulih dan menjamin sekuriti makanan negara.

MAHA 2022 akan diadakan pada 4 hingga 14 Ogos 2022 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan pameran, sila layari <https://mahaexpo.my/>.

**BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT,  
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP),  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI).**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN MAHA 2022**

- 1) *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism* atau lebih dikenali sebagai MAHA akan diadakan pada 4 hingga 14 Ogos 2022 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.
- 2) Program secara dwi-tahunan ini walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro pelancongan, ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap negara yang mempamerkan kemajuan serta pencapaian Malaysia.
- 3) MAHA 2022 akan menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian yang bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-inovasi tempatan dan luar negara, strategi-strategi pemasaran dan pengeluaran secara efektif serta lain-lain pendekatan yang mampu membantu sektor tersebut.
- 4) Promosi MAHA 2022 terus dipergiat sehingga hari terakhir sebelum bermula penganjuran majlis berprestij ini. Antara program promosi yang giat dilakukan adalah Program Media Tour seluruh negara yang berkonsepkan *Street Attack* dan *Walkabout* bagi mempromosi MAHA 2022.
- 5) Antara kelainan pada tahun ini adalah penglibatan secara langsung semua kementerian selama 11 hari penganjuran. MAHA kali ini bukan sahaja untuk sekuriti makanan negara dan kepentingan industri agromakanan tetapi juga demi Keluarga Malaysia.
- 6) MAHA 2022 akan memberikan penekanan kepada acara perdagangan dan perniagaan bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam dan luar negara. Manakala bagi mengimbangi daya tarikan pengunjung, MAHA 2022 akan diselitkan juga dengan Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) melalui aktiviti pameran hasil dan produk pertanian oleh peladang, penternak, nelayan dan usahawan tani.
- 7) Tarikh untuk majlis perasmian pembukaan MAHA 2022 ialah pada 6 Ogos 2022 bersempena dengan sambutan ulang tahun HPPNK yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri.
- 8) Konsep pelaksanaan MAHA 2022 adalah secara hibrid, iaitu kombinasi fizikal dan maya (*virtual*). Kementerian komited dalam memastikan segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dibangunkan dipatuhi sepanjang program ini berlangsung.
- 9) Waktu operasi MAHA 2022 dijadualkan bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

10) Fokus MAHA 2022 adalah kepada komponen-komponen berikut:

- *Agro Trade*, iaitu melibatkan aktiviti perniagaan dan padanan perniagaan serta mempromosi produk tempatan dan antarabangsa. Ia juga menjadi platform untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan daripada usahawan kecil dan sederhana;
- *Agro Edutainment*, bagi mempromosi serta memberi kesedaran tentang kepentingan sektor agromakanan dalam menjamin sumber bekalan makanan negara;
- *Agro Lifestyle*, bagi mempamerkan gaya hidup keluarga agro serta aktiviti-aktiviti nilai tambah di sepanjang rantai nilai agromakanan;
- *Agro Youth*, bagi menggalakkan dan mendorong pembangunan usahawan tani muda sebagai pelapis dan jaminan masa depan pertanian negara;
- *Agro Tourism*, khusus bagi mempromosi industri agropelancongan;
- *Agro Tech*, untuk mempamerkan penggunaan teknologi dan jentera terkini dalam sektor pertanian; dan
- *Agro Job Fair*, bagi mempromosikan potensi serta peluang pekerjaan yang tersedia dalam sektor pertanian.

11) Sebanyak 1,500 ruang pameran dan jualan akan disediakan mengikut segmen termasuklah:

- Pameran oleh kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan;
- Pameran oleh syarikat swasta dan badan korporat;
- Seminar dan konvensyen agromakanan;
- Pengoperasian laman-laman dan rumah negeri;
- Makanan popular Malaysia; dan
- *Farmers' Market*, di mana sebanyak 100 lot jualan hasil pertanian segar dari ladang pada harga yang berpatutan akan disediakan.

12) MAHA 2022 dijangka boleh menarik seramai 100,000 orang pengunjung sehari secara purata. Berdasarkan kepada sasaran ini dan tempoh penganjuran promosi dan publisiti yang dirangka dan dilaksana oleh pihak Kementerian mampu memberikan impak besar dan akan menyokong kepada jangkauan sasaran lebih daripada RM250 juta potensi nilai jualan termasuk padanan perniagaan.